

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
(JELUTONG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.11.2016

Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan mengalami kesempitan aliran tunai dan menyebabkan pemulangan hasil GST yang di pra-pungut oleh pihak peniaga menjadi lewat. Kalau tidak, kenapa berlakunya kelewatan bayaran balik.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Izinkan saya menjawab pertanyaan dari YB Jelutong bersekali dengan YB Tanjong Piai pada 21 November 2016 memandangkan pertanyaan yang dikemukakan oleh kedua-dua YB adalah mengenai isu yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan membuat bayaran balik tuntutan kredit cukai input dalam masa 14 hari bekerja bagi penyerahan borang tuntutan secara *online* dan 28 hari bekerja bagi penyerahan borang tuntutan secara manual. Tempoh ini adalah terpakai sekiranya tuntutan dibuat dengan teratur yang mana proses verifikasi tambahan seperti pengemukaan semua resit asal daripada pembekal barangan dan perkhidmatan adalah tidak diperlukan. Bagi tempoh 1 April 2015 hingga 31 Disember 2015, rekod Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menunjukkan tuntutan bayaran balik secara *online*, secara puratanya 42.34% telah diproses dalam tempoh yang ditetapkan. Manakala bagi tempoh 1 Januari 2016 hingga 31 Julai 2016, permohonan yang telah diproses dalam tempoh 14 hari bekerja adalah pada purata 71.96% iaitu peningkatan kecekapan melebihi 70.0%.

Antara punca kelewatan pulang balik cukai input adalah:

- i. syarikat menghantar borang dalam tempoh bercukai yang salah;
- ii. borang GST-03 salah diisi atau tidak lengkap;
- iii. maklumat bank tidak lengkap;
- iv. maklumbalas yang lambat oleh pihak syarikat apabila diminta

- oleh pihak JKDM bagi tujuan verifikasi; dan
- v. tuntutan yang diragui kesahihannya dan memerlukan maklumat yang lengkap.

JKDM juga telah mengambil langkah-langkah berikut untuk memastikan pembayaran balik cukai input dibuat dalam tempoh yang ditetapkan:

- i. Program *handholding* kepada industri terutamanya berkaitan bagaimana mengisi borang GST-03 dengan mudah supaya pihak syarikat tidak melakukan kesilapan;
- ii. Meningkatkan keupayaan dan kompetensi pegawai-pegawai JKDM yang terlibat dalam proses pulang balik cukai input; dan
- iii. Memantapkan profil pembayar cukai serta keupayaan *risk management engine* dalam sistem My GST.